



# **GARIS PANDUAN**

---

## **PROGRAM VA**

**(PROGRAM PENGAKUAN SUKARELA DAN  
PENGAMPUNAN)**

**CUKAI TAK LANGSUNG**

---

**Diterbitkan oleh:**

**JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA**

**31 Disember 2021**

## **Penerbitan**

Tarikh: 31 Disember 2021.

Notis Hakcipta

Hak Cipta 2021 Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Hak cipta terpelihara. Tertakluk kepada Akta Hakcipta, 1987 (Malaysia).

Panduan ini boleh ditarik balik, sama ada secara keseluruhannya atau sebahagiannya, dengan penerbitan panduan baru. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem pengambilan atau dihantar dalam apa-apa bentuk, termasuk di tempat untuk tujuan komersil tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Dalam menghasilkan semula atau mengutip kandungan, pengiktirafan sumber diperlukan.

## **Penafian**

Maklumat ini bertujuan untuk memberikan pemahaman umum mengenai layanan yang relevan di bawah Program VA dan bertujuan untuk memberikan pemahaman umum tentang kewajipan pembayar cukai. Ia tidak bertujuan untuk mengatasi semua masalah cukai yang mungkin timbul secara komprehensif. Walaupun JKDM telah mengambil inisiatif untuk memastikan bahawa semua maklumat yang terkandung di dalam Panduan ini adalah betul, JKDM tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan dan ketidaktepatan yang mungkin terkandung, atau apa-apa kerugian kewangan atau lain-lain yang dilakukan oleh individu menggunakan maklumat dari Panduan ini. Semua maklumat adalah semasa persediaan dan tertakluk kepada perubahan apabila perlu.

## **KANDUNGAN**

<b>1. PENGENALAN.....</b>	<b>1</b>
<b>2. TUJUAN .....</b>	<b>2</b>
<b>3. SKOP PROGRAM VA .....</b>	<b>3</b>
<b>4. TEMPOH PROGRAM .....</b>	<b>3</b>
<b>5. PROGRAM PENGAKUAN SUKARELA .....</b>	<b>3</b>
<b>6. PROGRAM PENGAMPUNAN .....</b>	<b>8</b>
<b>7. INSENTIF YANG DITAWARKAN.....</b>	<b>9</b>
<b>8. PENGENAAN KOMPAUN KE ATAS KESALAHAN YANG BOLEH DIKOMPAUN .....</b>	<b>11</b>
<b>9. PERMOHONAN DAN PENDAFTARAN PROGRAM PENGAKUAN SUKARELA DAN PENGAMPUNAN .....</b>	<b>11</b>
<b>10. KAEDAH PENGIKRARAN .....</b>	<b>13</b>
<b>11. PERATURAN BAYARAN .....</b>	<b>14</b>
<b>12. HUBUNGI KAMI.....</b>	<b>16</b>

## 1. PENGENALAN

1.1. Garis panduan ini disediakan bagi menetapkan prosedur untuk melaksanakan **Program VA (Program Pengakuan Sukarela dan Pengampunan) Cukai Tak Langsung** ke atas semua Akta di bawah tadbiran Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) yang melibatkan duti/cukai/levi/penalti/surcaj yang bertanggung sebelum atau pada 31 Oktober 2021:

1.1.1. Akta Kastam 1967 – duti import, duti eksport;

1.1.2. Akta Cukai Jualan 1972 dan 2018 – cukai jualan;

1.1.3. Akta Cukai Perkhidmatan 1975 dan 2018 – cukai perkhidmatan;

1.1.4. Akta Eksais 1976 – duti eksais;

1.1.5. Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 - Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST);

1.1.6. Akta Cukai Pelancongan 2017 – cukai pelancongan; dan

1.1.7. Akta Levi Pelepasan 2019 – levi pelepasan.

selaras dengan Pembentangan BAJET 2022 yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan Malaysia pada 29 Oktober 2021.

Duti Anti Lambakan & Duti Pelindung dan Levi Keuntungan Luar Biasa adalah tidak termasuk dalam Program ini.

1.2. Program ini merupakan salah satu usaha oleh kerajaan untuk:

1.2.1. mengurangkan ketirisan cukai bagi menambahkan hasil negara melalui pelbagai insentif seperti yang diperuntukkan undang-undang; dan

1.2.2. menggalakkan syarikat/individu untuk lebih memahami dan

meningkatkan tumpuan syarikat/individu terhadap tadbir urus cukai tak langsung.

melalui pelbagai insentif yang disediakan oleh undang-undang. Program ini adalah yang pertama kali dan hanya akan dibuat sekali sahaja (*one-off offer*).

1.3. Program ini dibahagikan kepada dua (2) kategori iaitu:-

1.3.1. **Pengakuan Sukarela (*Voluntary Disclosure*)** iaitu bagi kesalahan yang belum diketahui atau belum ditemui oleh JKDM; dan

1.3.2. **Pengampunan (*Amnesty*)** iaitu bagi kesalahan yang telah berlaku dan Bil Tuntutan (*BOD*) telah dikeluarkan.

1.4. Sehubungan dengan itu, program ini ditawarkan bagi memberi peluang kepada syarikat/individu untuk membuat pengikraran sukarela secara sucihati (*in good faith*) ke atas duti/cukai/levi yang bertanggung. Seterusnya, menggalakkan pembayaran duti/cukai/levi/penalti/surcaj dengan penawaran pelbagai insentif.

## 2. TUJUAN

2.1. Garis panduan ini bertujuan untuk:

2.1.1. Memberi penjelasan berhubung kaedah pelaksanaan program;

2.1.2. Memberi maklumat mengenai tempoh program;

2.1.3. Memberi maklumat mengenai insentif yang ditawarkan di bawah program ini; dan

2.1.4. Menetapkan peraturan bayaran yang berkaitan dengan program pengakuan sukarela dan program pengampunan.

### 3. SKOP PROGRAM VA

- 3.1. Duti/cukai/levi/penalti/surcaj yang terlibat dalam program ini adalah semua duti/cukai/levi/penalti/surcaj yang bertanggung **pada atau sebelum 31 Oktober 2021**;
- 3.2. Semua tanggungan duti/cukai/levi/penalti/surcaj yang **sedang atau telah disiasat** oleh Bahagian Penguatkuasaan, JKDM adalah **tidak termasuk** dalam program ini; dan
- 3.3. Syarikat/individu yang telah diluluskan remisi duti/cukai/levi oleh Kementerian Kewangan adalah tidak layak menyertai program ini.

### 4. TEMPOH PROGRAM

- 4.1. Program ini dibahagikan kepada **dua (2) fasa** seperti berikut:

<b>Fasa 1</b>	<b>Fasa 2</b>
1 Januari 2022 – 30 Jun 2022 (6 bulan)	1 Julai 2022 – 30 September 2022 (3 bulan)

### 5. PROGRAM PENGAKUAN SUKARELA

- 5.1. Maklumat utama Program Pengakuan Sukarela adalah seperti berikut:
  - 5.1.1. Syarikat/individu hanya dibenarkan membuat pengakuan sukarela dalam tempoh program sahaja;
  - 5.1.2. Surat Pengesahan kelayakan penyertaan program (VA-02) akan dikeluarkan oleh JKDM untuk memperakui syarikat/individu yang layak menyertai program ini;
  - 5.1.3. Syarikat/individu hanya boleh membuat penambahan amaun pengakuan

sukarela. **Pengurangan amaun yang telah diikrar adalah tidak dibenarkan;**

- 5.1.4. Pindaan ke atas amaun yang telah diikrar hanya dibenarkan sekiranya surat pengesahan belum dikeluarkan oleh JKDM; dan
  - 5.1.5. JKDM akan menerima pengakuan sukarela ini sebagai pengakuan sucihati (*in good faith*).
- 5.2. Pengakuan sucihati adalah pengakuan sebenar **yang lengkap** ke atas amaun duti/cukai/levi yang sepatutnya bertanggung oleh syarikat/individu.
- 5.3. Syarikat/individu yang **layak** menyertai program pengakuan sukarela adalah:
- 5.3.1. Syarikat/individu yang telah berdaftar dan melakukan aktiviti berikut:-
    - 5.3.1.1. Menghantar penyata kosong (NIL *return*) yang tidak betul;
    - 5.3.1.2. Tidak menghantar penyata atau pengikraran;
    - 5.3.1.3. Kurang ikrar dan kurang bayar cukai/levi; atau
    - 5.3.1.4. Mengenakan cukai ke atas barang atau perkhidmatan yang tidak tertakluk kepada cukai.
  - 5.3.2. Syarikat/individu yang bertanggung berdaftar/berlesen tetapi belum berdaftar dan telah memungut cukai/levi yang tidak dibayar kepada JKDM;
  - 5.3.3. Syarikat/individu yang bertanggung berdaftar/berlesen tetapi belum berdaftar/berlesen dan tidak memungut cukai/levi dari pelanggan;
  - 5.3.4. Syarikat/individu yang tidak bertanggung berdaftar tetapi telah mengenakan cukai/levi yang belum dibayar kepada JKDM;
  - 5.3.5. Syarikat yang menerima perkhidmatan bercukai diimport di bawah Akta

Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 & Akta Cukai Perkhidmatan 2018 tetapi belum mengakaunkan cukai dan membayar kepada JKDM;

- 5.3.6. Syarikat yang dilesenkan/berdaftar di bawah Akta Cukai Jualan 1972 atau Akta Cukai Jualan 2018 yang mengikrar cukai jualan tidak mengikut penilaian cukai jualan di bawah Per.7 P.U(A)205 yang melibatkan jualan antara pihak yang berkaitan;
- 5.3.7. Syarikat/individu yang mendapat kemudahan/pengecualian cukai/levi tetapi tidak memenuhi syarat yang ditetapkan;
- 5.3.8. Syarikat Pengimport/ Pengeksport/ Pengilang Eksais Tempatan/ Gudang Pengilangan Berlesen/ Gudang Berlesen yang melakukan aktiviti berikut:-
  - 5.3.8.1. Terkurang bayar duti/cukai semasa pengikraran import dan eksport;
  - 5.3.8.2. Kesilapan menggunakan kod tarif barang semasa pengikraran;
  - 5.3.8.3. Kesilapan semasa menggunakan kemudahan pengecualian; atau
  - 5.3.8.4. Pindaan ke atas perubahan kos dalam penetapan nilai eksais di bawah seksyen 2 Akta Eksais (sebelum 1.1.2020) dan P.U.(A)402 (Selepas 1.1.2020).
- 5.3.9. Pengimport di bawah seksyen 2, Akta Kastam 1967 bagi Kenderaan CBU import baharu/klasik/terpakai oleh Pemegang AP Franchise/Terbuka/Individu/Klasik untuk Post Importation VD bagi kenderaan yang telah dibuat taksiran di bawah seksyen 13(1), Akta Kastam 1967;
- 5.3.10. Pengimport di bawah seksyen 2, Akta Kastam 1967 bagi kenderaan CBU import baharu/terpakai/klasik oleh pemegang AP



franchise/terbuka/klasik/individu bagi kenderaan (penumpang, komersil & motosikal), yang melanggar syarat penyimpanan melebihi 48 bulan di Gudang Berlesen dibawah seksyen 65 Akta Kastam 1967;

5.3.11. Pengilang di bawah seksyen 20, Akta Eksais 1976 bagi kenderaan pemasangan tempatan (penumpang, komersil & motosikal) yang melanggar syarat penangguhan bayaran melebihi 48 bulan dari tarikh pelepasan kenderaan dari premis pengilangan;

5.3.12. Pengimport di bawah seksyen 2, Akta Kastam 1967 yang ada hubungan untuk Multinational Enterprise (MNE) seperti berikut:-

5.3.12.1. Pelarasan mengikut Peraturan 5, Peraturan-Peraturan Kastam (Kaedah Penilaian) 1999; atau

5.3.12.2. Transaksi pihak yang berhubungan di bawah Peraturan 4, Peraturan-peraturan Kastam (Kaedah Penilaian) 1999 seperti Year End Adjustment oleh MNE.

5.4. Mana-mana syarikat/individu yang berikut juga layak menyertai Program Pengakuan Sukarela:

5.4.1. **Belum diaudit tetapi diperuntukkan untuk diaudit pada tahun 2022;**

5.4.1.1. Syarikat/individu yang disenaraikan mengikut Program Audit oleh Bahagian Pematuhan Zon/Negeri bagi tahun 2022 untuk tempoh liputan audit pada atau sebelum 31 Oktober 2021.

5.4.1.2. Sekiranya syarikat/individu menolak atau tidak memberi maklumbalas melebihi tempoh ditetapkan dalam masa 21 hari, maka pengauditan akan dijalankan seperti biasa.

5.4.2. **Sedang diaudit;**

5.4.2.1. Sedang diaudit bermaksud auditi yang telah menerima surat Permohonan Kemukakan Dokumen/ Rekod Bagi Tujuan

Pengauditan atau Lawatan Audit telah dilakukan ke premis auditi oleh Pasukan Audit layak menyertai Program Pengakuan Sukarela.

5.4.2.2. Auditi yang sedang diaudit dan belum dikeluarkan Notis Taksiran atau Surat Pemberitahuan Hasil Audit pada atau sebelum 31 Disember 2021 bagi tempoh liputan audit pada atau sebelum 31 Oktober 2021 layak menyertai Program Pengakuan Sukarela.

5.4.2.3. Auditi yang menyertai Program Pengakuan Sukarela tidak akan diverifikasi atau diaudit oleh Bahagian Pematuhan Zon/Negeri dan tiada bil tuntutan akan dikeluarkan.

5.4.2.4. Sekiranya auditi menolak atau tidak memberi maklumbalas melebihi tempoh ditetapkan dalam masa 21 hari, maka pengauditan akan dijalankan seperti biasa.

5.4.3. **Telah diaudit;**

5.4.3.1. Auditi yang telah diaudit sebelum Program Pengakuan Sukarela bermula layak menyertai program untuk membuat pengakuan sukarela ke atas semua tempoh termasuk tempoh liputan audit yang telah diaudit terdahulu pada atau sebelum 31 Oktober 2021.

5.4.4. Syarikat/ individu/ auditi yang menyertai program:

5.4.4.1. Bagi aktiviti atau tempoh liputan audit yang telah diikrar sebelum 31 Oktober 2021 dalam program ini tidak akan diaudit semula;

5.4.4.2. Bagi aktiviti dan tempoh liputan audit yang tidak diikrar di dalam program dan tempoh liputan audit selepas 31 Oktober 2021, audit hanya akan dijalankan bermula 1 Oktober 2023.

## 6. PROGRAM PENGAMPUNAN

6.1. Program Pengampunan ini adalah melibatkan kesalahan yang telah dilakukan oleh syarikat/individu iaitu:-

6.1.1. Mana-mana syarikat/individu yang mempunyai tunggakan duti/cukai/levi/penalti/surcaj layak mendapat pengampunan khas dengan syarat-syarat seperti berikut:-

6.1.1.1. Mana-mana bil tuntutan (*Bill of Demand - BOD*) yang dikeluarkan oleh bahagian Pematuhan dan bahagian lain pada atau sebelum 31 Ogos 2022 bagi duti/cukai/levi yang bertanggung untuk tempoh liputan audit pada atau sebelum 31 Oktober 2021 adalah layak untuk menyertai Program Pengampunan;

6.1.1.2. Bil tuntutan (*Bill of Demand - BOD*) yang telah dikeluarkan pada atau sebelum 31 Oktober 2021; atau

6.1.1.3. Pengiraan kelayakan insentif adalah berdasarkan baki tunggakan bil tuntutan pada tarikh permohonan diterima. Tiada pulangbalik cukai/penalti akan diberikan bagi bayaran yang telah diterima melalui apa-apa kaedah bayaran sebelum permohonan dibuat;

6.1.1.4. Kes-kes yang sedang dalam proses Tribunal Kastam adalah layak menyertai program dengan syarat kes tersebut ditarik balik;

6.1.1.5. Mana-mana bil tuntutan yang telah didaftar ke mahkamah dan telah mendapat keputusan penghakiman adalah tidak termasuk dalam Program Pengampunan;

6.1.1.6. Bil tuntutan duti/cukai/levi/penalti/surcaj yang dikeluarkan dibawah semua akta-akta yang ditadbir oleh JKDM kecuali Duti Anti Lambakan & Duti Pelindung dan Levi Keuntungan

Luar Biasa.

## 7. INSENTIF YANG DITAWARKAN

7.1. Insentif yang ditawarkan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) adalah seperti berikut:-

7.1.1. Remisi penalti/surcaj yang akan diberikan secara '*blanket approval*': -

7.1.1.1. Remisi penalti/surcaj sebanyak seratus peratus (100%) pada Fasa 1 dengan syarat duti/cukai/levi yang terlibat dibayar keseluruhan di Fasa 1 dan lima puluh peratus (50%) pada Fasa 2 dengan syarat duti/cukai/levi terlibat dibayar secara keseluruhan dalam tempoh Fasa 2; dan

7.1.1.2. Remisi penalti/surcaj sebanyak sembilan puluh peratus (90%) pada Fasa 1 dan lapan puluh peratus (80%) pada Fasa 2 bagi kes-kes bil tuntutan yang hanya berbaki amaun penalti dan surcaj.

7.1.2. Audit tidak akan dilakukan ke atas permohonan yang diluluskan dalam tempoh program ini kecuali seperti yang dimaklumkan dalam para 7.4.

7.2. Insentif yang ditawarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (*MoF*) adalah seperti berikut:-

7.2.1. Bagi kes-kes syarikat/individu yang bertanggung untuk berdaftar tetapi belum berdaftar dan tidak memungut cukai/levi seperti yang dinyatakan dalam para 5.3.3, remisi cukai/levi sebanyak tiga puluh peratus (30%) pada Fasa 1 dengan syarat cukai/levi yang terlibat dibayar keseluruhan di Fasa 1 dan lima belas peratus (15%) pada Fasa 2 dengan syarat cukai/levi yang terlibat dibayar keseluruhan di Fasa 2. Remisi ini akan diberikan secara '*blanket approval*';

7.2.2. Bagi kes-kes syarikat/individu yang dinyatakan dalam para 5.3 (tidak

termasuk para 5.3.3), remisi duti/cukai/levi sebanyak sepuluh peratus (10%) pada Fasa 1 dengan syarat duti/cukai/levi yang terlibat dibayar keseluruhan di Fasa 1 dan lima peratus (5%) pada Fasa 2 dengan syarat duti/cukai/levi yang terlibat dibayar keseluruhan di Fasa 2. Remisi akan diberikan secara '*blanket approval*';

7.2.3. Pengecualian duti/cukai yang akan diberikan secara '*blanket approval*' bagi kes-kes seperti di para 5.3.10 dan 5.3.11 adalah seperti berikut: -

7.2.3.1. Bagi kenderaan CBU import terpakai atau klasik diberikan pengecualian duti/cukai sebanyak tiga puluh peratus (30%) untuk Fasa 1 dan pengecualian cukai/duti sebanyak lima belas peratus (15%) untuk Fasa 2;

7.2.3.2. Bagi kenderaan CBU import baharu diberikan pengecualian duti/cukai sebanyak dua puluh peratus (20%) untuk Fasa 1 dan pengecualian duti/cukai sebanyak sepuluh peratus (10%) untuk Fasa 2.

7.2.3.3. Bagi kenderaan yang dikilang atau dipasang oleh pengilang eksais kenderaan diberikan pengecualian duti eksais sebanyak dua puluh peratus (20%) untuk Fasa 1 dan pengecualian duti eksais sebanyak sepuluh peratus (10%) untuk Fasa 2.

7.2.3.4. Sekiranya pemegang AP kenderaan tidak menyertai program ini, Bahagian Penguatkuasaan akan merampas kenderaan tersebut selepas tamat tempoh program.

7.3. Ringkasan kelayakan dan insentif Program VA mengikut kategori bahagian hendaklah dirujuk dalam **LAMPIRAN 1**.

7.4. Insentif-insentif yang ditawarkan akan terbatal dan tuntutan semula duti/cukai/levi/penalti/surcaj akan dibuat sekiranya terbukti terdapat **unsur frod**.

## 8. PENGENAAN KOMPAUN KE ATAS KESALAHAN YANG BOLEH DIKOMPAUN

- 8.1. **Kompaun minima** akan dikenakan bagi kesalahan yang boleh dikompaun dan perlu dijelaskan dalam tempoh **empat belas (14) hari** dari tarikh surat tawaran kompaun. Nilai kompaun yang adalah seperti berikut:
- 8.1.1. RM1,000.00 bagi setiap pengakuan sukarela berjumlah RM100,000.00 dan ke atas; atau
  - 8.1.2. RM500.00 bagi setiap pengakuan sukarela berjumlah di bawah RM100,000.00.
- 8.2. Syarikat/individu perlu menjelaskan kompaun terlebih dahulu sebelum dapat menikmati insentif program ini.

## 9. PERMOHONAN DAN PENDAFTARAN PROGRAM PENGAKUAN SUKARELA DAN PENGAMPUNAN

### 9.1. Program Pengakuan Sukarela

- 9.1.1. Permohonan hendaklah dikemukakan dengan menggunakan Borang VA-01 seperti di **LAMPIRAN 2** secara *online* melalui sistem MyVA. Syarikat/ individu boleh mendapatkan khidmat nasihat pegawai bertugas di “*one stop centre*” di negeri secara *walk-in* untuk membuat pendaftaran di sistem MyVA secara atas talian.
- 9.1.2. Selepas mendapat *Login ID* dan *Password*, syarikat/ individu hendaklah menghantar permohonan dengan mengisi maklumat dalam Borang VA-01 melalui sistem MyVA.
- 9.1.3. Sistem MyVA akan menjana no. rujukan dan **Pengesahan Penerimaan Permohonan** akan dihantar kepada pemohon melalui emel yang didaftarkan di dalam Borang VA-01.

- 9.1.4. Jika maklumat permohonan yang diterima oleh JKDM tidak lengkap, pegawai Unit Pengakuan Sukarela (UPS) Ibu Pejabat/Negeri yang bertanggungjawab akan menghantar surat melalui emel atau secara manual atau panggilan telefon untuk membuat semakan. Tempoh maklumbalas yang diberikan kepada pemohon adalah selama 14 hari bekerja.
- 9.1.5. Sekiranya permohonan lengkap dan memenuhi syarat, pegawai UPS akan mengenalpasti kod hasil (syarikat/individu yang tidak berdaftar atau tidak mempunyai rekod dengan JKDM) yang terlibat dan seterusnya membuat kelulusan di dalam sistem MyVA.
- 9.1.6. Surat Kelayakan Penyertaan Program VA (VA-02) berserta jumlah yang perlu dibayar dan kod hasil akan dijana dan diemel melalui sistem MyVA.
- 9.1.7. **Kelulusan** akan diberikan dalam tempoh **tiga (3) hari bekerja** bagi permohonan dan pendaftaran yang lengkap.

## 9.2. **Program Pengampunan Akaun Belum Terima (ABT)**

- 9.2.1. Permohonan hendaklah dikemukakan menggunakan Borang VA-01 secara *online* melalui sistem MyVA. Pemohon juga boleh hadir ke “*one stop centre*” di negeri secara *walk-in* bagi mendapatkan khidmat nasihat daripada pegawai yang bertugas untuk membuat pendaftaran di sistem MyVA secara atas talian
- 9.2.2. Selepas mendapat *Login ID* dan *Password*, syarikat / individu hendaklah menghantar permohonan dengan mengisi maklumat dalam Borang VA-01 melalui sistem MyVA.
- 9.2.3. Sistem MyVA akan menjana no rujukan dan **Pengesahan Penerimaan Permohonan** akan dihantar kepada pemohon melalui emel yang didaftarkan dalam Borang VA-01.

9.2.4. Setelah pegawai Unit Program Pengampunan (UPP) mendapati maklumat BOD adalah tepat dan layak menerima tawaran remisi di bawah program khas ini, UPP akan menjana Surat Kelayakan Penyertaan Program VA (VA-02) melalui sistem MyVA. Surat demikian akan dihantar ke pemohon melalui emel.

### 9.3. Menarik Diri Daripada Penyertaan Program VA

9.3.1. Syarikat/individu yang ingin memohon menarik diri daripada penyertaan program VA hendaklah mengemukakan permohonan **sebelum** Surat Kelayakan Penyertaan (VA-02) dikeluarkan.

9.3.2. Permohonan hendaklah dibuat **secara bertulis** dan dihantar melalui emel atau pos ke pejabat kastam Ibu Pejabat/Zon/Negeri mengikut di mana permohonan menyertai program VA dibuat.

9.3.3. Penarikan diri dari penyertaan program VA selepas pengeluaran Surat Kelulusan Kelayakan (VA-02) adalah tidak dibenarkan. Sekiranya pembayaran telah dibuat, tiada pembayaran balik akan diberikan.

## 10. KAEDAH PENGIKRARAN

10.1. Syarikat/ individu hendaklah membuat pengikraran amaun yang sebenar sebelum penolakan insentif dalam sistem sedia ada (MySST, Gentax, MyTTx, MySToDS, MyDLV, SMK dll) mengikut jenis cukai/ duti/ levi/ penalti/ surcay yang berkaitan seperti yang didaftarkan dalam sistem MyVA (Borang VA-01).

10.2. Kaedah Pengikraran VA bagi Borang Kastam No.1 (K1) (Kenderaan Import CBU Terpakai dan Baru):

10.2.1. Pengimport atau ejen kastam hendaklah membuat pendaftaran borang K1 melalui SMK bagi pengimportan kenderaan beserta permit Import daripada MITI dan dokumen sokongan.



10.2.2. Pengimport atau ejen kastam hendaklah memasukkan nombor pendaftaran borang kastam No.1 (K1) dalam VA-01 semasa membuat pendaftaran VA melalui sistem MyVA.

10.3. Kaedah Pengikraran VA bagi Borang Eksais 7 (Telah diikrar CKD tempatan):

10.3.1. Pengilang eksais hendaklah memasukkan nombor pendaftaran eksais di dalam borang VA-01 semasa membuat permohonan VA.

## 11. PERATURAN BAYARAN

11.1. Pembayaran secara penuh duti/cukai/levi/penalti/surcaj perlu dibuat mengikut fasa yang dimohon untuk melayakkan syarikat/individu menikmati insentif fasa tersebut di mana tarikh akhir pembayaran adalah seperti berikut:

Permohonan	Tarikh akhir bayaran
Fasa 1	30 Jun 2022
Fasa 2	30 September 2022

11.2. Pembayaran duti/cukai/levi/penalti/surcaj secara sebahagian (*partial payment*) daripada jumlah keseluruhan adalah dibenarkan dalam tempoh program. Kelayakan insentif akan diberikan berdasarkan tempoh dimana bayaran sepenuhnya dijelaskan. Sebagai contoh, syarikat/individu membuat permohonan di Fasa 1 dan terus menjelaskan sepenuhnya amaun tuntutan di Fasa 1, syarikat/individu tersebut akan menikmati insentif di Fasa 1. Manakala sekiranya, syarikat/individu membuat permohonan di Fasa 1 dan menjelaskan sepenuhnya amaun tuntutan di Fasa 2, syarikat/individu tersebut akan menikmati insentif di Fasa 2.

### ***Contoh 1***

Syarikat Daniel adalah bertanggungjawab untuk berdaftar tetapi belum berdaftar dan tidak memungut cukai daripada pelanggan. Syarikat mempunyai cukai

tertunggak sebanyak RM100,000.00 dengan penalti maksima 40%. Oleh itu, syarikat adalah layak mendapat insentif remisi cukai sebanyak 30% di Fasa 1 atau 15% di Fasa 2 serta insentif remisi penalti 100% di Fasa 1 atau 50% di Fasa 2.

<b>SITUASI 1</b> <b>Permohonan Di</b> <b>Fasa 1</b>	<b>SITUASI 2</b> <b>Permohonan Di</b> <b>Fasa 1</b>	<b>SITUASI 3</b> <b>Permohonan Di</b> <b>Fasa 2</b>
<p>Syarikat membayar penuh RM70,000 cukai di Fasa 1. Syarikat layak menikmati insentif Fasa 1 dengan remisi cukai sebanyak RM30,000 dan remisi penalti penuh sebanyak RM40,000.</p>	<p>Syarikat membayar penuh RM85,000 cukai di Fasa 2 atau membayar sebahagian di Fasa 1 dan selesai di Fasa 2. Syarikat layak menikmati insentif Fasa 2 dengan remisi cukai sebanyak RM15,000 dan remisi penalti 50% sebanyak RM20,000.</p>	<p>Syarikat membayar penuh RM85,000 cukai di Fasa 2. Syarikat layak menikmati insentif Fasa 2 dengan remisi cukai sebanyak RM15,000 dan remisi penalti 50% sebanyak RM 20,000.</p>

Walau bagaimanapun, sekiranya Syarikat Daniel membayar cukai sepenuhnya diluar tempoh program (selepas 30 September 2022), maka tiada sebarang insentif cukai/penalti layak dinikmati.

- 11.3. Syarikat/individu yang **gagal** menjelaskan baki duti/cukai/levi/penalti/surcaj pada akhir tempoh yang ditetapkan iaitu pada 30 September 2022 adalah **tidak layak** menikmati sebarang insentif yang telah ditawarkan dan tindakan akan diambil berdasarkan peruntukan undang-undang yang sedang berkuat kuasa.

- 11.4. Tiada pulang balik (*refund*) dibenarkan di dalam program ini. Syarikat/individu hanya perlu membayar amaun duti/cukai/levi/penalti/surcaj yang sepatutnya selepas ditolak insentif yang layak.

## **12. HUBUNGI KAMI**

Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai Program VA ini, sila hubungi:

- Pejabat JKDM yang berdekatan;
- E-mel: [ccc@customs.gov.my](mailto:ccc@customs.gov.my) ; atau
- Hubungi *Customs Call Centre* di talian 1-300-88-8500

**JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA**

**31 DISEMBER 2021**

## RINGKASAN KELAYAKAN DAN INSENTIF MENGIKUT BAHAGIAN

## A) Bahagian Cukai Dalam Negeri

KATEGORI/KELAYAKAN PERMOHONAN PROGRAM VA	INSENTIF CUKAI		INSENTIF PENALTI	
	FASA 1	FASA 2	FASA 1	FASA 2
1.1) Syarikat/individu yang telah berdaftar dan melakukan aktiviti berikut:- a) Menghantar penyata kosong ( <i>nil return</i> ). b) Tidak menghantar penyata/pengikraran. c) Kurang ikrar dan kurang bayar cukai. d) Mengenakan cukai ke atas barang/perkhidmatan yang tidak tertakluk kepada cukai.	10%	5%	100%	50%
1.2) Syarikat/individu yang bertanggung berdaftar tetapi belum berdaftar dan telah mengenakan cukai yang tidak dibayar kepada JKDM.	10%	5%	100%	50%
1.3) Syarikat/individu yang bertanggung berdaftar tetapi belum berdaftar dan tidak memungut cukai dari pelanggan.	30%	15%	100%	50%
1.4) Syarikat/individu yang tidak bertanggung berdaftar tetapi telah mengenakan cukai yang belum dibayar kepada JKDM.	10%	5%	TB	TB
1.5) Syarikat yang menerima perkhidmatan bercukai diimport di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 & Akta Cukai Perkhidmatan 2018 tetapi belum mengakaunkan cukai dan membayar kepada JKDM.	10%	5%	100%	50%
1.6) Syarikat yang berdaftar di bawah Akta Cukai Jualan 1972 atau Akta Cukai Jualan 2018 yang mengikrarkan cukai jualan tidak mengikut penilaian cukai jualan di bawah Per.7 P.U(A)205 yang melibatkan jualan antara pihak yang berkaitan.	10%	5%	100%	50%
1.7) Syarikat/individu yang mendapat kemudahan/pegecualian cukai tetapi tidak memenuhi syarat yang ditetapkan.	10%	5%	TB	TB

## B) Bahagian Perkastaman

KATEGORI/KELAYAKAN PERMOHONAN PROGRAM VA	INSENTIF DUTI/CUKAI/LEVI		INSENTIF PENALTI	
	FASA 1	FASA 2	FASA 1	FASA 2
1.1) Syarikat/individu yang telah berdaftar di bawah Akta Levi Pelepasan 2019 dan melakukan aktiviti berikut: - a) Menghantar penyata kosong (NIL return); b) Tidak menghantar penyata/pengikraran; c) Kurang ikrar dan kurang bayar levi.	10%	5%	100%	50%
1.2) Syarikat/individu yang bertanggung untuk berdaftar tetapi belum berdaftar dan telah memungut levi pelepasan yang tidak dibayar kepada JKDM.	10%	5%	100%	50%
1.3) Syarikat/individu yang bertanggung untuk berdaftar tetapi belum berdaftar dan tidak memungut levi pelepasan dari pelanggan.	30%	15%	100%	50%
1.4) Syarikat/individu yang melakukan <u>pengilangan tempatan untuk barang berduti eksais (kecuali rokok, minuman keras dan tembakau)</u> yang bertanggung untuk dilesenkan di bawah Akta Eksais 1976 dan bertanggung untuk membayar duti kepada JKDM tetapi tidak dilesenkan.	30%	15%	TB	TB
1.5) Syarikat/individu yang bertanggung dan tidak membayar amaun yang sepatutnya dilevi kepada JKDM bagi dagangan import.	10%	5%	TB	TB
1.6) Syarikat/individu yang mendapat kemudahan/pegecualian duti/levi tetapi tidak memenuhi syarat yang ditetapkan bagi pengilangan Eksais/Dagangan Import/Levi Pelepasan.	10%	5%	TB	TB

KATEGORI/KELAYAKAN PERMOHONAN PROGRAM VA	INSENTIF DUTI/CUKAI/LEVI		INSENTIF PENALTI	
	FASA 1	FASA 2	FASA 1	FASA 2
<p>1.7) Syarikat Pengimport / Pengeksport/ Pengilang Eksais tempatan/ Gudang Pengilangan Berlesen/ Gudang Berlesen yang melakukan aktiviti berikut:-</p> <p>a) Terkurang bayar duti/cukai semasa pengikraran;</p> <p>b) Kesilapan kod tarif barang semasa pengikraran;</p> <p>c) Kesilapan semasa menggunakan kemudahan pengecualian;</p> <p>d) Pindaan ke atas perubahan kos dalam penetapan nilai eksais di bawah seksyen 2 Akta Eksais (sebelum 1.1.2020) dan P.U.(A)402 (Selepas 1.1.2020).</p>	10%	5%	TB	TB
<p>1.8) Pengimport di bawah seksyen 2 Akta Kastam 1967 bagi Kenderaan CBU import baharu/klasik/terpakai oleh Pemegang AP Franchise/Terbuka/Individu/Klasik untuk Post Importation VD bagi kenderaan yang telah dibuat taksiran di bawah seksyen 13(1) Akta Kastam 1967. (Harga akan ditaksir berdasarkan harga semasa diikrar) tidak termasuk kereta yang didaftarkan di negara sempadan.</p> <p>*- Register K1 - perlu bayar dalam tempoh 14 hari (Kompaun akan dikeluarkan jika lewat)</p>	10% (Pengecualian)	5% (Pengecualian)	TB	TB

KATEGORI/KELAYAKAN PERMOHONAN PROGRAM VA	INSENTIF DUTI/CUKAI/LEVI		INSENTIF PENALTI	
	FASA 1	FASA 2	FASA 1	FASA 2
1.9) Pengimport di bawah seksyen 2 Akta Kastam 1967 bagi <u>kenderaan CBU import terpakai/klasik</u> oleh pemegang AP Franchise / AP Terbuka / AP Klasik / AP Individu bagi kenderaan (penumpang, kormersil & motosikal), yang melanggar syarat penyimpanan melebihi 48 bulan di Gudang Berlesen dibawah seksyen 65 Akta Kastam 1967.	30% (Pengecualian)	15% (Pengecualian)	TB	TB
1.10) Pengimport di bawah seksyen 2 Akta Kastam 1967 bagi <u>kenderaan CBU import baharu</u> oleh pemegang AP Franchise / AP Terbuka / AP Individu bagi kenderaan (penumpang, kormersil & motosikal), yang melanggar syarat penyimpanan melebihi 48 bulan di Gudang Berlesen dibawah seksyen 65 Akta Kastam 1967.	20% (Pengecualian)	10% (Pengecualian)	TB	TB
1.11) Pengilang di bawah seksyen 20 Akta Eksais 1976 bagi <u>kenderaan pemasangan tempatan (CKD)</u> , yang melanggar syarat penangguhan bayaran melebihi tempoh 4 tahun dari tarikh pelepasan kenderaan dari premis pengilangan.	20% (Pengecualian)  Duti Eksais sahaja	10% (Pengecualian)  Duti Eksais sahaja	TB	TB

**C) Bahagian Penguatkuasaan (Unit Akaun Belum Terima – Unit ABT)**

KATEGORI/KELAYAKAN PERMOHONAN PROGRAM VA	INSENTIF DUTI/CUKAI/ LEVI		INSENTIF PENALTI / SURCAJ	
	FASA 1	FASA 2	FASA 1	FASA 2
1.1) Syarikat mempunyai tunggakan duti/cukai/levi dan penalti/surcaj.	10%	5%	100%	50%
1.2) Syarikat mempunyai tunggakan duti/cukai/levi sahaja.	10%	5%	TB	TB
1.3) Syarikat mempunyai tunggakan penalti/surcaj sahaja.	TB	TB	90%	80%
1.4) BOD yang dikeluarkan dalam tempoh program dari 01 Januari 2022 sehingga 31 Ogos 2022 melibatkan <b>cukai &amp; penalti</b> yang bertanggung pada atau sebelum 31 Oktober 2021.	10%	5%	100%	50%
1.5) BOD yang dikeluarkan dalam tempoh program dari 01 Januari 2022 sehingga 31 Ogos 2022 melibatkan <b>duti atau cukai</b> yang bertanggung pada atau sebelum 31 Oktober 2021.	10%	5%	TB	TB

**Nota:**

\*TB = Tidak Berkaitan

\*Selain yang dinyatakan insentif Pengecualian adalah merupakan insentif Remisi.



VA-01



**JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA**  
**ROYAL MALAYSIAN CUSTOMS DEPARTMENT**  
**PERMOHONAN PENDAFTARAN PROGRAM KHAS PENGAKUAN SUKARELA**  
**DAN PENGAMPUNAN CUKAI TAK LANGSUNG**  
**APPLICATION FOR SPECIAL PROGRAMME ON INDIRECT TAX VOLUNTARY**  
**DISCLOSURE AND AMNESTY**

**Nota Penting (Important Notes)**

- 1) Sila rujuk Panduan Mengisi Borang VA-01.  
*Please Refer to VA-01 Form Guidelines.*
- 2) Ruang bertanda (\*) adalah wajib diisi.  
*Column with (\*) is a mandatory field.*
- 3) Sila tandakan (X) dalam petak yang berkenaan.  
*Please tick (X) accordingly.*
- 4) Sila hubungi Pusat Panggilan Kastam di talian 1-300-88-8500/ 03-78067200 untuk pertanyaan lanjut.  
*Please contact Customer Call Center at 1-300-88-8500/ 03-78067200 for further enquiry.*

**PART A: MAKLUMAT PEMOHON**  
**PART A: APPLICANT INFORMATION**

1) No. Pendaftaran Perniagaan* <i>Business Registration No.</i>	<input style="width: 100%;" type="text"/> <input style="width: 100%;" type="text"/>																				
2) Nama Dan Alamat Pendaftaran Perniagaan* <i>Name and Registered Address of Business*</i>	<table border="0" style="width: 100%;"> <tr> <td style="width: 15%;">Alamat* <i>Street Address*</i></td> <td colspan="3"><input style="width: 100%;" type="text"/></td> </tr> <tr> <td></td> <td colspan="3"><input style="width: 100%;" type="text"/></td> </tr> <tr> <td>Bandar* <i>Town or City*</i></td> <td colspan="3"><input style="width: 100%;" type="text"/></td> </tr> <tr> <td>Poskod / Zip Kod* <i>Postcode / Zip Code*</i></td> <td><input style="width: 100px;" type="text"/></td> <td>Negeri* <i>State*</i></td> <td><input style="width: 100px;" type="text"/></td> </tr> <tr> <td>Negara* <i>Country*</i></td> <td colspan="3"><input style="width: 100%;" type="text"/></td> </tr> </table>	Alamat* <i>Street Address*</i>	<input style="width: 100%;" type="text"/>				<input style="width: 100%;" type="text"/>			Bandar* <i>Town or City*</i>	<input style="width: 100%;" type="text"/>			Poskod / Zip Kod* <i>Postcode / Zip Code*</i>	<input style="width: 100px;" type="text"/>	Negeri* <i>State*</i>	<input style="width: 100px;" type="text"/>	Negara* <i>Country*</i>	<input style="width: 100%;" type="text"/>		
Alamat* <i>Street Address*</i>	<input style="width: 100%;" type="text"/>																				
	<input style="width: 100%;" type="text"/>																				
Bandar* <i>Town or City*</i>	<input style="width: 100%;" type="text"/>																				
Poskod / Zip Kod* <i>Postcode / Zip Code*</i>	<input style="width: 100px;" type="text"/>	Negeri* <i>State*</i>	<input style="width: 100px;" type="text"/>																		
Negara* <i>Country*</i>	<input style="width: 100%;" type="text"/>																				
3) Nama Perdagangan (jika berbeza dari item 1) <i>Trade Name (if different from item 1)</i>	<input style="width: 100%;" type="text"/>																				
4) Alamat Surat Menyurat Perniagaan (jika berbeza dari item 2) <i>Correspondence Address of Business (if different from item 2)</i>	<table border="0" style="width: 100%;"> <tr> <td style="width: 15%;">Alamat* <i>Street Address*</i></td> <td colspan="3"><input style="width: 100%;" type="text"/></td> </tr> <tr> <td></td> <td colspan="3"><input style="width: 100%;" type="text"/></td> </tr> <tr> <td>Bandar* <i>Town or City*</i></td> <td colspan="3"><input style="width: 100%;" type="text"/></td> </tr> <tr> <td>Poskod / Zip Kod* <i>Postcode / Zip Code*</i></td> <td><input style="width: 100px;" type="text"/></td> <td>Negeri* <i>State*</i></td> <td><input style="width: 100px;" type="text"/></td> </tr> <tr> <td>Negara* <i>Country*</i></td> <td colspan="3"><input style="width: 100%;" type="text"/></td> </tr> </table>	Alamat* <i>Street Address*</i>	<input style="width: 100%;" type="text"/>				<input style="width: 100%;" type="text"/>			Bandar* <i>Town or City*</i>	<input style="width: 100%;" type="text"/>			Poskod / Zip Kod* <i>Postcode / Zip Code*</i>	<input style="width: 100px;" type="text"/>	Negeri* <i>State*</i>	<input style="width: 100px;" type="text"/>	Negara* <i>Country*</i>	<input style="width: 100%;" type="text"/>		
Alamat* <i>Street Address*</i>	<input style="width: 100%;" type="text"/>																				
	<input style="width: 100%;" type="text"/>																				
Bandar* <i>Town or City*</i>	<input style="width: 100%;" type="text"/>																				
Poskod / Zip Kod* <i>Postcode / Zip Code*</i>	<input style="width: 100px;" type="text"/>	Negeri* <i>State*</i>	<input style="width: 100px;" type="text"/>																		
Negara* <i>Country*</i>	<input style="width: 100%;" type="text"/>																				
5) No. Telefon* <i>Telephone No.*</i>	<table border="0" style="width: 100%;"> <tr> <td style="width: 15%; text-align: center;">(Kod Antarabangsa) <i>(International Code)</i></td> <td style="width: 10%;"><input style="width: 100%;" type="text"/></td> <td style="width: 15%; text-align: center;">(No. Telefon) <i>(Telephone No.)</i></td> <td style="width: 60%;"><input style="width: 100%;" type="text"/></td> </tr> </table>	(Kod Antarabangsa) <i>(International Code)</i>	<input style="width: 100%;" type="text"/>	(No. Telefon) <i>(Telephone No.)</i>	<input style="width: 100%;" type="text"/>																
(Kod Antarabangsa) <i>(International Code)</i>	<input style="width: 100%;" type="text"/>	(No. Telefon) <i>(Telephone No.)</i>	<input style="width: 100%;" type="text"/>																		
6) Laman Sesawang <i>Website URL</i>	<input style="width: 100%;" type="text"/>																				
7) Alamat Emel Perniagaan* <i>Business Email Address*</i>	<input style="width: 100%;" type="text"/>																				

**PART B: KETERANGAN PERNIAGAAN**  
**PART B: BUSINESS DETAILS**

8) Jenis Program\*  
Type of Program\*

Pengakuan Sukarela  Pengampunan   
Voluntary Disclosure Amnesty

9) Jenis Akta (Sila tanda X dalam petak berkenaan)\*  
Type of Act (Please Tick X in required box)\*

Akta Kastam 1967 Customs Act 1967	<input type="checkbox"/>	Akta Cukai Jualan 1972 Sales Tax Act 1972	<input type="checkbox"/>	Akta Cukai Pelancongan 2017 Tourism Tax Act 2017	<input type="checkbox"/>
Akta Eksais 1976 Excise Act 1976	<input type="checkbox"/>	Akta Cukai Perkhidmatan 1975 Service Tax Act 1975	<input type="checkbox"/>	Akta Cukai Jualan 2018 Sales Tax Act 2018	<input type="checkbox"/>
Akta Levi Pelepasan 2019 Departure Levy Act 2019	<input type="checkbox"/>	Akta Cukai Barang & Perkhidmatan 2014 Goods & Services Tax Act 2014	<input type="checkbox"/>	Akta Cukai Perkhidmatan 2018 Services Tax Act 2018	<input type="checkbox"/>

10) i) Keterangan Aktiviti (Sila tanda X dalam petak berkenaan)\*  
Detail of Activities (Please tick X required box)\*

Pengilangan Barang Manufacturing Goods	<input type="checkbox"/>	Perkhidmatan Services	<input type="checkbox"/>
Pengimportan Barang Importation of Goods	<input type="checkbox"/>	Pengeksportan Barang Exportation of Goods	<input type="checkbox"/>

ii) Sila nyatakan satu aktiviti perniagaan sahaja\*  
Please specify only one business activity\*

11) Keterangan pengikraran (Isi yang berkaitan)  
Declaration details (fill accordingly)\*

i) Jumlah nilai yang diikrar (K1 / K2/ K9 / E7) (RM) Total declared value (K1 / K2/ K9 / E7) (RM)	<input style="width: 100px;" type="text"/>	ii) Jumlah Cukai / Duti / Levi (RM) Total Tax / Duty / Levy (RM)	<input style="width: 100px;" type="text"/>
iii) Jumlah penalti (RM) Total Penalty (RM)	<input style="width: 100px;" type="text"/>	iv) Jumlah Surcaj (RM) Total Surcharge (RM)	<input style="width: 100px;" type="text"/>

v) Keterangan (Isi yang berkaitan)\*  
Details (fill accordingly)\*

BORANG / JENIS PENYATA FORM / RETURN TYPE	NO. PENDAFTARAN / LESEN / SIJIL REGISTRATION / LICENSE CERTIFICATE NO.	TEMPOH BERCUKAI/ NO. K1/ NO. K2/ NO. K9/ NO. E7/ BOD NO. TAXABLE PERIOD / K1 NO. / K2 NO. / K9 NO. / E7 NO. / BOD NO.	AMAUN DIIKRAR/ CUKAI / DUTI / LEVI (RM) TAX / DUTY / LEVY AMOUNT (RM)	AMAUN PENALTI / SURCAJ (RM) PENALTY / SURCHARGE AMOUNT (RM)
CUSTOMS FORM NO.1				
CUSTOMS FORM NO.2				
CUSTOMS FORM NO.9				
EXCISE 7				
DL-02				
CJP1				
SST-02				
SST-02A				
GST-04				
GST-03				
DST-02				
TTx-03				
Others (Non- Registrant)				

12) Kategori Permohonan  Sebab permohonan:   
Application Category Reason for application

(Sila rujuk kategori di Lampiran A)  
(Please refer category in Lampiran A)

**PART C: AKUAN PEMOHON**  
**PART C: APPLICANT'S DECLARATION**

- 13) (a) Saya, mengaku bahawa permohonan ini tidak melibatkan kes dalam siasatan/ tribunal/ mahkamah.  
*I, hereby declare that this application is not related to cases under investigation/ tribunal/ court proceeding.*
- (b) Saya bersetuju apa – apa notis kepada saya melalui perkhidmatan elektronik atau kaedah elektronik.  
*I agree for any notice to be served to me through electronic service or electronic means.*
- (c) Saya, mengaku bahawa maklumat yang dinyatakan dalam borang ini adalah benar dan lengkap.  
*I, hereby declare that the information stated in this form are true and complete.*

Tarikh / Date\*

(hari)  
(day)

(bulan)  
(month)

(tahun)  
(year)

.....  
Tandatangan Pemohon\*  
Applicant Signature\*

14) Nama Pemohon\*  
Name of Applicant\*

15) No. Kad Pengenalan / Pasport\*  
Passport No. / Identification No.\*

16) Jawatan\*  
Designation\*

17) No. Telefon\*  
Telephone No.\*

(Kod Antarabangsa)  
(International Code)

(No. Telefon)  
(Telephone No.)

18) Alamat emel\*  
Email Address\*

**PART D: FOR OFFICIAL USE**

19) Pendaftaran diluluskan / Ditolak (Potong yang tidak berkenaan)  
*Registration Approved / Rejected (Strike if not applicable)*

Tarikh / Date\*

(hari)  
(day)

(bulan)  
(month)

(tahun)  
(year)

.....  
Tandatangan Pelulus\*  
Approval Signature\*